

DATE: 07 JUNE 2012
PUBLICATION: UTUSAN SARAWAK
SECTION: BISNES
PAGE: 3
HEADLINE: SC SERU SYARIKAT SEDIAKAN AKSES LEBIH LUAS
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 167.00 CM²

SC seru syarikat sediakan akses lebih luas

KUALA LUMPUR, Rabu — Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia menyeru syarikat-syarikat supaya membuka dengan luas akses mendapatkan maklumat kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Pengerusinya, Datuk Ranjit Ajit Singh berkata ini boleh dilakukan dengan mematuhi amalan ketelusan dan mengedarkan pendedahan maklumat yang lengkap, bermakna dan kena pada masanya.

Sebagai pengawal atur, katanya SC tidak suka memperkenankan lebih banyak peraturan.

Bagaimana pun, ia akan memantau dengan rapi amalan dan pendedahan tersebut dan menjadikannya satu keutamaan memastikan persaingan dilakukan sama rata dengan memastikan para pelabur mempunyai akses yang mudah dan kena pada masanya bagi mendapatkan maklumat, katanya.

“Pendedahan yang dibuat

sepatutnya tidak menyumbang kepada kekeliruan kepada pasaran - malah menyediakannya dengan penjelasan yang perlu mengenai perniagaan dan kewangan syarikat berkenaan,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada Majlis Penyampaian Anugerah Hubungan Pelabur (IR) Malaysia 2012 Persatuan Hubungan Pelabur-Pelabur Malaysia (MIRA) di sini hari ini.

Ranjit berkata lembaga pengarah perlu bertindak dengan segera bagi menangkis sebarang kesilapan maklumat yang timbul dari khabar angin dan spekulasi.

“Pendedahan yang baik tidak sahaja bergantung dengan lembaga pengarah atau pengurusan utama syarikat berkenaan tetapi termasuk penyertaan pihak berkepentingan yang lain, seperti penganalisis dan media,” katanya.

Pada majlis penyampaian anugerah itu, CIMB Group

Holdings Bhd muncul sebagai pemenang terbesar dengan menerima beberapa anugerah seperti Ketua Pegawai Eksekutif Terbaik bagi IR-Modal Besar -- Datuk Seri Nazir Razak; Profesional IR

Terbaik; Laman Web IR Modal Besar Terbaik dan Pengetahuan Perniagaan dan Pandangan Pasukan IR Malaysia.

Public Bank Bhd turut menerima beberapa anugerah yang termasuk Ketua Pegawai Kewangan Terbaik bagi IR Modal Besar -- Chang Siew Yen; Laporan Tahunan Kualiti/Pendedahan Rasmi dan “Quality One-on-One Meetings-Malaysia.”

Anugerah itu disampaikan hari ini berasaskan kaji selidik tahun lepas yang dilaksanakan antara Oktober dan Disember, yang melibatkan lebih 800 ahli profesional pelaburan di seluruh dunia.

— Bernama